

'Usah terburu-buru tarik diri'

KOSMO (MS 62)

1 JUN 2016

ATLET negara yang layak ke Sukan Olimpik perlu memikir sebaik-baiknya sebelum membuat keputusan untuk menarik diri daripada menyertai temasya sukan berprestij dunia itu di Brazil Ogos depan.

Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Low Beng Choo (**gambar**) berkata, persatuan sukan dan atlet itu sendiri perlu mengetahui tidak semua sukan boleh diganti dengan mana-mana atlet lain jika terdapat atlet mahu menarik diri.

"Bergantung pada sukan itu, tidak semua sukan kita boleh



ganti dengan atlet lain terutamanya yang layak berdasarkan ranking. Sebagai contoh angkat berat, kemasukan adalah atas nama, jika sesuatu berlaku, atlet berkenaan boleh diganti.

"Tetapi sesetengah sukan tidak berdasarkan ranking,

(sekiranya atlet menarik diri), dia akan terlepas peluang. Kalau atlet tarik diri, tidak bermakna Malaysia boleh dapat tempat tetapi atlet dari negara lain boleh menggantikan atlet Malaysia," katanya.

Semalam Presiden MOM, Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar berkata, pihaknya tidak akan menghalang atlet yang mahu menarik diri daripada menyertai kontinjen negara ke Sukan Olimpik ekoran penularan virus Zika di negara itu.

Tunku Imran sebelum ini menjelaskan, beliau percaya Rio selamat untuk atlet dan jawatankuasa

penganjur telah mengambil langkah penting untuk menangani perkara itu.

Sukan Olimpik dijadualkan berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil dari 5 hingga 21 Ogos depan.

Setakat ini 22 atlet negara telah melayakkan diri secara merit.

Mereka ialah Khairul Anuar Mohamad (memanah), Mohd. Azizulhasni Awang dan Fatehah Mustapa (berbasikal) serta Ooi Tze Liang, Cheong Jun Hoong, Nur Dhabitah Sabri, Pandelega Rinong dan Ng Yan Yee (terjun).

Turut tersenarai Khairulnizam Mohd. Affendy dan Nur Shazrin Latiff (pelayaran), Jon-

athan Wong Guanjie (menembak), Welson Sim (renang), Nauraj Singh (olahraga) dan Mohd. Hafifi Mansor (angkat berat).

Dalam acara badminton, jaguh perseorangan Datuk Lee Chong Wei, beregu lelaki Goh V Shem-Tan Wee Kiong, beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying, perseorangan wanita Tee Jing Yi dan beregu wanita Vivian Hoo-Woon Khe Wei turut melayakkan diri.

Kontinjen negara masih boleh menghantar sembilan atlet dalam empat acara iaitu renang, golf, memanah dan olahraga berdasarkan kuota. - Bernama

HSN: Perlis sasar 48,000 penyertaan

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

HARI Sukan Negara (HSN) peringkat Perlis menyasarkan penyertaan 48,000 rakyat negeri itu yang bakal dianjurkan pada 8 Oktober depan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, sambutan di negeri itu melibatkan beberapa program sukan seperti pertandingan bola sepak, jalan kaki dan berbasikal.

"Sambutan kali ini turut melibatkan 15 kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh Perlis. Selain aktiviti sukan, ceramah dan pameran kesihatan turut diadakan supaya rakyat kekal aktif dan sihat," katanya.

Azlan berkata demikian kepada pemberita sem-



HARI Sukan Negara diperkenalkan pada Oktober tahun lalu bagi menggalakkan rakyat Malaysia aktif bersukan.

KOSMO (M/S...)

1 JUN 2016

pena sidang akhbar Hari Sukan Negeri Perlis 2016 di Bangunan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis di Kangar kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Perlis, Abdul Jamil Saad.

Dalam pada itu, Azlan menambah, sambutan itu turut melibatkan ikon sukan, Mohd. Ridzuan Mohamad Puzi yang baru-baru ini memenangi Anugerah Olahragawan Paralimpik Negara (Para Olahraga) Sempena Anugerah Sukan

Negara 2015.

"Penglibatan Mohd. Ridzuan diharap dapat memberikan motivasi kepada atlet khususnya belia di negeri ini untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan," katanya.

Ahmad Sarji penyumbang besar kepada kebangkitan sukan

KUALA LUMPUR 31 Mei - Penerima anugerah Tokoh Sukan 2015, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid merupakan individu yang memberikan sumbangan besar kepada pelbagai bidang sukan yang diceburinya sebaik sahaja bersara sebagai Ketua Setiausaha Negara pada tahun 1996.

Ahmad Sarji, 77, merupakan peneneraju dua pertubuhan sukan; Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia dan Pengerusi Professional Golf Malaysia (PGM). Beliau turut memegang jawatan Presiden Presekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) sehingga 2012 dan bekas Presiden Presekutuan Bowls Asia (tahun 2000 hingga 2012).

Selama 15 tahun mentadbir sukan bowls, Ahmad Sarji memindahkan kecemerlangan sukan itu ke Malaysia apabila atlet seperti Safuan Said, Nur Iryani Azmi, Siti Zalina Ahmad dan Hazlee Rais memenangi kejuaraan peringkat dunia. Safuan mencapai *ranking* No. 1 dunia, Siti Zalina memenangi dua emas dalam Sukan Komanwel (2002 dan 2006). Nur Iryani dan Hazlee pernah merangkul gelaran Juara Antara Juara.

Bermula sebagai Timbalan Yang Dipertua Persatuan Kriket Melayu Malaysia pada 1996 dan kemudian selaku Yang Dipertua, Ahmad Sarji mengepalai program pembangunan kriket khusus bagi menampung keperluan di peringkat nasional.

Antaranya memperkenalkan Program Pembangunan Kriket Remaja (sasaran bagi kumpulan



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampalkan anugerah Tokoh Sukan 2015 kepada Ahmad Sarji (kanan) pada malam Anugerah Sukan Negara di Putrajaya, baru-baru ini. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

bawah 12), Projek Kriket Nasional (Pembangunan Menengah), Pusat Prestasi Tinggi serta penempatan pemain di luar negara dan pendanaan kumpulan peringkat usia.

Daripada pembangunan inilah wujudnya pertandingan-pertandingan yang dikhususkan untuk kumpulan sasaran itu seperti Kriket Elit Bawah 12 Kebangsaan, Cabaran Bawah 15 Antarabangsa, Antara Kelab Antarabangsa, Cabaran Pantai Timur,

Trofi Melayu Antarabangsa, Kriket Perempuan Perisai Tuanku Najihah serta pertemuan dua ining Projek Kriket Nasional. Program sepanjang tahun menelan belanja jutaan ringgit.

Beliau turut sama mewujudkan Akademi Kriket Melayu Tuanku Ja'afar pada tahun 2004 untuk menampung kecemerlangan pemain peringkat usia yang dibekalkan mewakili pasukan kebangsaan.

Atas kelulusan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Najib Tun Razak, beliau menubuhkan Professional Golf Malaysia (PGM) pada 2010 dan menjadi Pengerusi. PGM Tour menjadi siri jelajah paling aktif yang kemudian bersepat dengan European Tour dan Asian Tour untuk mewujudkan Piala Eurasia. Pertandingan dwitahunan itu mengikut format Piala Ryder.

Ahmad Sarji merupakan personaliti yang mewujudkan stadium kriket bertaraf antarabangsa, Bayuemas Oval (tahun 2004) yang mendapat pengiktirafan Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) dan Bayuemas Bowls Indoor Stadium; kedua-dua di Kampung Pendamar, Klang.

Tahun lalu sebuah stadium kriket dalam dewan antarabangsa juga disiapkan di Bayuemas atas usaha beliau dan Sime Darby untuk mempopularkan sukan kriket dalam dewan kepada masyarakat Malaysia.

Tokoh ini juga dilantik sebagai chef-de-mission Sukan Olimpik XXX (London 2012).

Kerajaan turut menagih 'seorang yang serius dan mempunyai kemahiran pentadbiran' apabila melantik beliau sebagai Pengerusi Panel Penasihat Sukan sejak tahun 2014.

Hasil kegigihan dan kerja keras itu, Sime Darby Berhad telah menamakan stadium kriket dalam dewan sebagai *Tun Ahmad Sarji Indoor Cricket Stadium* manakala Kerajaan Perak turut menamakan stadium di Tapah sebagai Stadium Tun Ahmad Sarji.

UTUSAN MALAYSIA (M/S 3/1) 1 JUN 2016

Rezeki Chong Wei

■ Peluang rampas takhta dunia selepas Chen Long tarik diri

Ferzalfie Fauzi

ferzalfie@hmetro.com.my

HARIAN METRO

Kuala Lumpur

83, 1 JUN 2016

Ketiadaan Chen Long di Terbuka Indonesia membuka peluang cerah buat jaguh perseorangan lelaki negara, Datuk Lee Chong Wei untuk merampas semula kedudukan pemain nombor satu dunia.

Chen Long yang juga pilihan utama kejohanan sepatutnya turun beraksi pusingan pertama kejohanan bertaraf Siri Super Perdana ini, namun menarik diri seterusnya memberi laluan buat pemain tuan rumah, Sony Dwi Kuncoro ke pusingan kedua.

Jika Chong Wei berjaya merangkul gelaran juara di Istora Gelora Bung Karno hujung minggu ini dia mampu meraih semula takhta nombor satu dunia sebelum temasya Sukan Olimpik Rio 2016 berlangsung Ogos ini.

Chong Wei akan turun beraksi pusingan pertama menentang pemain India, Sameer Verma hari ini bagi memburu gelaran keenam Terbuka Indonesia.

Pemenang pingat perak Sukan Olimpik 2008 (Beijing) dan 2012 (London) itu sekarang ini mengumpul 88,953 mata, ketinggalan 3,241 mata kepada Chen Long.



Kali terakhir dia menduduki tangga teratas ranking dunia pada Disember 2014.

Seandainya berjaya muncul juara di Jakarta, Ahad ini, ketua pasukan Piala Thomas 2016 itu akan meraih tambahan 11,000 mata.

Penghalang utama dalam misi bergelar juara kali ini dijangka hadir menerusi juara dunia lima kali, Lin Dan dengan kedua-duanya dijangka bertemu pada final nanti.

Chong Wei sebelum ini menyifatkan Terbuka Indonesia yang menjadi salah satu kejohanan terakhirnya selain Terbuka Australia, minggu depan, penting bagi memastikan dia kekal dalam kelompok dua terbaik dunia menjelang Olimpik Rio.

Pemain pilihan kedua kejohanan itu akan bertemu sama ada rakan senegara, Goh Soon Huat atau Ng Ka Long dari Hong Kong di pusingan kedua jika menun-

dukan Verma hari ini.

Empat pemain yang dijangka menjadi halangannya di suku akhir ialah Han Kristian Vittinghus (Denmark), Wang Zhengming (China), Son Wan Ho (Korea Selatan) dan Chou Tien Chen (Taiwan).

Berdasarkan undian serta prestasi semasa halangannya di separuh akhir ialah pilihan keempat dari Denmark, Viktor Axelsen atau wakil tuan rumah, Tommy Sugiarto.

Piala Negara Negara 2016 mampu dedah bakat pemain

BERITA HARIAN (M/S.S.S.)

1 JUN 2016

Melaka: Saingan Piala Negara Negara 2016 mampu memberi lonjakan motivasi kepada pemain muda negara untuk memperagakan persembahan terbaik dalam meningkatkan karier masing-masing.

Timbalan Presiden Melaka United Soccer Association (MUSA), Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi berkata, beliau amat berterima kasih kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) memilih Melaka sebagai penganjur kejohanan itu.

Beliau berkata, langkah itu

membuka peluang kepada barisan kejurulatihan, pelajar khususnya di Melaka dan peminat bola sepak tempatan menyaksikan kemahiran tinggi pasukan yang bertanding.

Katanya, kejohanan membatik skuad Bawah 21 dari Malaysia, Thailand, Singapura dan Vietnam yang berlangsung dari Jumaat hingga Ahad ini turut dilihat sebagai pentas pembentukan pasukan berkualiti buat skuad negara menjelang saingan Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

"Melaka sentiasa mengululukan pemilihannya sebagai penganjur kerana matlamat Ketua Menteri, Datuk Seri Ir Idris Haron yang juga Presiden MUSA mahu merancakkan industri bola sepak negara.

Yakin tebus kehampaan

"Kami positif menyediakan kemudahan gelanggang terbaik termasuk meletakkan pelancongan sukan sebagai daya tarikan untuk melawat Melaka negeri bersejarah," katanya selepas sidang media di Stadium

Hang Jebat di sini, semalam.

Sementara itu, bekas penyerang kebangsaan, Akmal Rizal Ahmad Rakhli berkata, jika pemain kendalian Frank Bernhardt mampu menyinar di Melaka sudah pasti pasukan terbabit bakal menjadi pencabar utama pingat emas Sukan SEA 2017.

Akmal yang beraksi ketika Malaysia tewas 0-1 di pentas final Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur mahu pasukan muda negara mempamerkan sentuhan terbaik dalam Piala Negara Negara.

Oleh Nazri Abu Bakar

AJITPAL SINGH

ajitpalsingh@nst.com.my

NATIONAL coach Yang Zhuliang is keen to remain in Malaysia until the 2020 Tokyo Olympics.

The 52-year-old coach recently signed a two-year contract extension with the Podium Programme until 2018 but he hopes to stay on until the next Olympics.

The China-born has taken Malaysian diving to new heights over the last few years with medals in the Asian Games and Commonwealth Games. He also guided Pandelega Rinong to a historic bronze medal in the 2012 London Olympics.

Zhuliang wants to help Malaysian divers win an Olympic gold and he believes the target will

Keen on Tokyo

NEW STRAITS TIMES (M/S) 1 JUN 2016

TARGET: Zhuliang wants to continue as national coach until 2020 Olympics

be achieved in the Tokyo Games.

"I want to stay and see what I can achieve with the divers at the next Olympics. But it's four years away, so my immediate focus is Rio in August and, the Asian Games and Commonwealth Games in 2018," said Zhuliang, who is currently in Guangzhou

preparing the divers for the Olympics.

"We won a bronze in 2012 and so, we must aim for a better result in Rio as it will show progression. Who knows ... maybe we can win the country's first Olympic title in Rio."

Zhuliang is banking on Pandelega and Cheong Jun Hoong to return with a medal in

the women's 10m platform synchro event in Rio. However, the coach believes others in the team can also deliver if they perform to their abilities.

On whether Pandelega can finish on the podium again in the platform individual event, Zhuliang said it will be more difficult as other divers have made huge progress.

"Apart from China's Ren Qian and Si Yajie, she will also have to fight for the podium with North Korea's Kim Kuk Hyang, Britain's Tonia Couch, Australia's Melissa Wu and Canada's Meaghan Benfeito," Zhuliang added.

Zhuliang, who holds a Malaysian PR, first arrived in Malaysia in 2001 but migrated to Australia in 2005 after he was offered citizenship.

He was persuaded to return here in 2009 and has taken Malaysian diving from obscurity to second best in Asia after China.



National coach **Yang Zhuliang** seen here guiding **Pandelega Rinong** during the London Olympics wants to stay on until the 2020 Tokyo Games.



IRFAN yakin mampu
buat lontaran lebih baik.

HARIAN METRO
30, 1 JUN 2016

Irfan idam lontaran ke Rio

Kuala Lumpur: Atlet lempar cakera negara Irfan Shamsuddin bertekad untuk terus memecahkan rekod kebangsaan selepas melakukannya dua kali dalam tempoh lima hari, minggu lalu.

Malah pemenang pingat emas Sukan SEA Singapura itu berjanji untuk melakukan lontaran lebih baik selepas ini apabila diberi peluang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) untuk berpangkalan di Eropah sebelum tarikh akhir kelayakan ke Olimpik berakhir pada 11 Julai depan.

Katanya, dia masih dahagakan kejayaan dan biarpun jarak untuk layak secara merit ke Olimpik masih jauh namun atlet kelahiran Negeri Sembilan itu tetap optimis untuk mencuba membuat balingan terbaik.

"Peluang untuk ke Olim-

“Peluang untuk ke Olimpik masa ada dan saya mempunyai lima lagi kejohanan di Eropah selepas ini. Saya sendiri tidak berasa puas dengan apa yang dicapai sebab percaya boleh buat jauh lebih baik lagi”

Irfan Shamshuddin

pik masa ada dan saya mempunyai lima lagi kejohanan di Eropah selepas ini.

"Tiada yang mustahil. Saya sendiri tidak berasa puas dengan apa yang dicapai sebab percaya boleh buat jauh lebih baik lagi.

"Saya akan berusaha lebih keras lagi dalam masa ter-

dekat ini," katanya.

Irfan, 20, memecahkan rekod pertama kali ketika menyertai pertandingan di Jerman dengan jarak 58.33 meter.

Dia seterusnya memadamkan rekod itu buat kali kedua ketika beraksi di Kejohanan Liese Prokop Memorial di St Polten, Austria dengan catatan 58.48m.

Sebelum itu di Halle, Irfan turut memadamkan rekod lamanya dua kali apabila melakarkan balingan 58.33m.

Catatan itu menyaksikan dia merekodkan lontaran peribadi terbaik empat kali dalam tempoh lima hari.

Rekod kebangsaan miliknya sebelum ini adalah 58.04m.

Bagaimanapun untuk layak ke Olimpik Rio Ogos ini, Irfan perlu melakarkan 65m.